

Amalan Pengajaran Guru dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (Masalah Pendengaran)

Hamdi Bin Ishak

Hamdii_i@yahoo.com

Bahagian Pendidikan Khas

Kementerian Pelajaran Malaysia

Ab Halim Bin Tamuri

abhalim@ukm.com

Fakulti Pendidikan

Universiti Kebangsaan Malaysia

Rosadah Binti Abdul Majid

rosadah@ukm.my

Fakulti Pendidikan

Universiti Kebangsaan Malaysia

Safani Bin Bari

safani@ukm.my

Fakulti Pendidikan

Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Murid bermasalah pendengaran perlu mendapat pendidikan sebagaimana kanak-kanak tipikal yang lain bagi membolehkan mereka memahami agama Islam dan tuntutan agama dan melaksanakannya dengan betul. Kajian ini bertujuan untuk meneroka dan menganalisis pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam kepada murid pendidikan khas di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (Bermasalah Pendengaran). Model kerangka konseptual yang digunakan dalam kajian ini adalah modifikasi model pengajaran dan pembelajaran oleh Imam al-Ghazali dan Ibn Khaldun serta model pengajaran berkesan. Seramai empat orang guru Pendidikan Islam dari empat buah Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas masalah pendengaran dipilih sebagai peserta dalam kajian ini. Kajian kualitatif ini menggunakan reka bentuk kajian kes bagi memperoleh data kajian melalui temu bual, pemerhatian pengajaran dan analisis dokumen. Data temu bual, pemerhatian pengajaran dan analisis dokumen dikumpul dan diurus menggunakan perisian Nvivo7. Kesahan data dilakukan secara memeriksa kesan penyelidik, triangulasi pelbagai sumber data, bertaklimat dengan rakan sejawat dan pengesahan daripada peserta kajian. Kebolehpercayaan data pula diperoleh melalui *audit trail* dan mendapatkan perakuan pakar berasaskan nilai persetujuan pekali Cohen Kappa. Secara keseluruhannya, dapatan menunjukkan peserta kajian mempunyai latar belakang sebagai seorang guru Pendidikan Islam untuk pelajar tipikal, tetapi mereka menghadapi masalah dalam aspek pedagogi, pengetahuan dan kemahiran berkaitan keperluan kanak-kanak bermasalah pendengaran. Dapatan juga menunjukkan peserta kajian merancang pengajaran menggunakan sukatan pelajaran Pendidikan Islam Kebangsaan, tetapi berbeza dalam pelaksanaan yang berkaitan dengan pengubahsuaian dalam pengajaran. Kajian ini menunjukkan penambahbaikan perlu dilakukan dalam aspek persekitaran tempat pengajaran, kedudukan susunan perabot, susunan murid dan

kemudahan akustik. Dapatan kajian ini diharap dapat dijadikan panduan untuk meningkatkan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam serta menambah baik program latihan guru untuk guru pendidikan Islam bagi murid-murid bermasalah pendengaran.

Kata kunci: Amalan pengajaran, Pendidikan Islam, murid pendidikan khas, bermasalah pendengaran, Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas

ABSTRACT

The hearing disabled students should be taught Islamic Education so that they can understand the teaching of Islam and its obligations as other typical students. This study aimed to explore and analyze the implementation of teaching practices among the Islamic Education teachers to the hearing disabled students in the Special Education Schools. A modification of Imam al-Ghazali and Ibn Khaldun theoretical frameworks in methodology of teaching in Islamic education and Effective Teaching models was used for this study. Four Islamic Education teachers from four different schools were selected as the participants of this study. The study used the case study design where the data were selected through observations, interviews and document analysis. Results from the interview, teaching observations and document analysis were managed and analyzed using Nvivo7. Data validity was carried out using researcher effects, triangulation from variety of sources, peer evaluation and reviews from the participants. Data reliability was obtained through the audit trail and Cohen Kappa agreement. Generally, these finding suggested that the teachers had appropriate back ground, personality and training as Islamic education teachers for typical students, but they were lack in the aspect of pedagogy and knowledge and skills about teaching hearing disabled students. From the study, it was also found that all the participants have planned their lesson using the National Islamic Education syllabus. However, in term of implementation, there were some differences regarding the modifications of the syllabus. From the study, classroom environment, furniture and student arrangement should be improve to fit the needs of teaching and learning Islamic education for the hearing disabled students. Generally, the teachers also have satisfactory communication skills in delivering the Islamic Education lesson. It is hoped that this study will contribute to the improvement the lesson of Islamic Education as well as teacher training programs for the hearing disabled students.

Keywords: *Teaching Practices, Islamic Education, special education, hearing disabled students isabled, The Special Education Schools.*

PENGENALAN

Islam meletakkan tanggungjawab besar kepada setiap pendidik yang terdiri daripada guru, ibu bapa atau ahli masyarakat untuk mengajar, membentuk dan memberi pendidikan kepada setiap insan bermula dari waktu ia dilahirkan lagi (Abdullah Nasih & Ulwan, 1981). Setiap kanak-kanak yang lahir di dunia ini berhak mendapat pendidikan dan pelajaran menurut kebolehan, bakat dan persediaan yang ada pada diri masing-masing (Abdullah al-Qari, 1993). Murid pendidikan khas bermasalah pendengaran juga tidak ketinggalan mengikuti mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah, sama ada di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (SKPK) ataupun di Program Pendidikan Khas Integrasi. Pengajaran mata pelajaran Pendidikan Islam di program Pendidikan Khas ini adalah untuk memberi peluang kepada murid berkeperluan khas mempelajari agama yang menjadi pegangan hidup utama orang Islam.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Dalam sistem pendidikan di Malaysia, mata pelajaran Pendidikan Islam mula diwajibkan kepada murid yang beragama Islam Akta Pendidikan 1996 (akta 550) seksyen 50, telah menetapkan bahawa jika dalam sesuatu institusi pendidikan terdapat lima orang atau lebih yang menganut agama Islam, maka murid-murid itu hendaklah diberikan pengajaran agama Islam oleh guru yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri. Semua sekolah rendah pendidikan khas bermasalah pendengaran dan penglihatan menawarkan aliran akademik dan menggunakan Kurikulum Kebangsaan (Maklumat Pendidikan Khas, 2007). Berdasarkan data Jabatan Pendidikan Khas, bilangan murid Pendidikan Khas Bermasalah Pendengaran pada tahun 2007 di sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (SKPK) ialah seramai 1564 orang, manakala bilangan murid di Program Pendidikan Khas Integrasi ialah seramai 711 orang. Jumlah keseluruhan murid Pendidikan Khas Bermasalah Pendengaran di sekolah kebangsaan ialah 2275 orang (Maklumat Pendidikan Khas, 2007). Walaupun bilangan mereka adalah kecil namun mereka juga mengikuti pendidikan yang disediakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), dan bagi murid yang beragama Islam, mereka wajib mengikuti mata pelajaran pendidikan Islam sebagaimana murid-murid lain.

Jadual 1.1 Bilangan murid pendidikan khas bermasalah pendengaran

	2003	2004	2005	2006	2007
Bil. Murid SKPK	1,717	1,589	1,574	1,437	1,564
Bil. Murid Integrasi	429	416	636	389	711
Jumlah	2,146	2,005	2,210	1,826	2,275

Sumber: Maklumat Pendidikan Khas 2007

Bagi mata pelajaran Pendidikan Islam, murid pendidikan khas bermasalah pendengaran mengikuti kurikulum Pendidikan Islam kebangsaan sama seperti pelaksanaannya di sekolah kebangsaan, iaitu dilaksanakan dalam lima waktu atau 150 minit seminggu dengan 30 minit setiap waktu dan ditambah dengan satu masa atau 30 minit bagi pelajaran jawi. Daripada segi organisasi kandungan, mata pelajaran Pendidikan Islam mengandungi empat komponen utama, iaitu asuhan Tilawah Al-Quran, asas ulum Syariah, asas adab dan akhlak Islamiah dan Jawi. Bagi komponen asas Tilawah al-Quran terdapat kumpulan kecil, iaitu bahagian bacaan, kefahaman dan hafazan; sementara dalam komponen asas ulum syariah mengandungi akidah, ibadah dan sirah al-Nabawiyah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002).

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini secara umumnya ingin mengenal pasti amalan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam kepada murid Pendidikan Khas bermasalah pendengaran dari aspek pendekatan dan kaedah yang digunakan, penggunaan kurikulum, keadaan dan kesesuaian bilik darjah dan kaedah komunikasi yang digunakan.

OBJEKTIF KAJIAN

Bagi mencapai tujuan ini, beberapa objektif khusus yang ditetapkan dalam kajian ini iaitu:

1. Memahami bagaimana guru merancang pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam menggunakan kurikulum kebangsaan yang disesuaikan dengan tahap kebolehan dan kemampuan murid bermasalah pendengaran.

2. Meneroka amalan pengajaran dan pembelajaran guru Pendidikan Islam kepada murid pendidikan khas masalah pendengaran semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung, serta menghuraikan pendekatan dan kaedah yang sesuai digunakan oleh guru mengikut bidang dan tahap kemampuan murid bermasalah pendengaran.
3. Mengenalpasti keadaan dan kesesuaian bilik darjah yang digunakan sebagai tempat pengajaran semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung?
4. Mengenalpasti medium dan kaedah komunikasi yang digunakan oleh guru Pendidikan Islam semasa dalam proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah kajian yang menggunakan pendekatan berbentuk kualitatif. dalam kajian ini, persoalan yang dikaji ialah tentang proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam dalam kalangan murid-murid Islam bermasalah pendengaran berlangsung di sekolah Pendidikan Khas. Kajian difokuskan kepada memahami keadaan dan suasana yang berlaku ketika proses pengajaran dan pembelajaran guru kepada murid bermasalah pendengaran. Dalam kajian ini penyelidik menggunakan beberapa kaedah untuk mengumpulkan seberapa banyak data deskriptif bagi memperoleh gambaran sebenar mengenai proses pengajaran dan pembelajaran. Untuk tujuan tersebut, kaedah-kaedah yang digunakan dalam kajian ini ialah melalui pemerhatian, temu bual dan bahan dokumen yang berkaitan. Pengkaji-pengkaji kualitatif biasanya bergantung kepada ketiga-tiga metod ini bagi mengumpulkan maklumat iaitu; (a) Pemerhatian, (b) temu bual dan (c) bukti dokumen (Bogdan & Biklen 2003; Merriam 1988; Spradley 1980).

Kajian ini menggunakan kaedah kajian kes secara kualitatif. Kaedah kajian kes adalah kaedah yang sesuai digunakan untuk kajian ini, sepertimana saranan Merriam (1998) yang mengatakan bahawa kajian kes adalah untuk memahami secara mendalam sesuatu situasi dan memberi makna kepada mereka yang terlibat. Kajian kes digunakan dalam kajian ini kerana melibatkan pengumpulan maklumat secara sistematik dan mendalam mengenai proses pengajaran dan pembelajaran murid pendidikan khas masalah pendengaran dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Unit analisis dalam kajian ini adalah proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam kepada murid Pendidikan Khas bermasalah pendengaran. Analisis terhadap proses pengajaran dan pembelajaran ini nanti meneroka bagaimana proses tersebut dilaksanakan oleh guru Pendidikan Islam di sekolah pendidikan khas berlangsung.

Oleh itu, dalam penyelidikan ini pengkaji tidak akan membuat sebarang generalisasi, kerana kajian ini hanya tertumpu kepada sekumpulan guru Pendidikan Islam yang mengajar Pendidikan Islam kepada murid-murid pendidikan khas bermasalah pendengaran. Menurut Chua (2006) penyelidikan kualitatif tidak tertakluk kepada membuktikan hipotesis dan teori pada awal kajian tetapi penyelidikan berkembang semasa kajian dijalankan. Subjek kajian kes merupakan individu tunggal atau sekumpulan individu tertentu dan bukan merupakan subjek sampel kajian yang dipilih secara rawak dari sesuatu populasi. Ia merupakan subjek dalam satu kes khusus yang dikaji, iaitu hasil kajian hanya menerangkan ciri-ciri subjek tersebut, dan tidak digunakan untuk membuat generalisasi kepada mana-mana populasi. Walaupun tidak boleh digeneralisasikan, namun dapatan daripada kajian ini boleh menjadi maklumat berguna kepada pihak pengurusan kurikulum, guru dan ibu bapa kepada murid yang mempunyai masalah yang sama dengan subjek dalam kajian ini.

Peserta kajian yang dipilih untuk pengumpulan data adalah terdiri daripada guru yang mengajar di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Masalah Pendengaran. Seramai empat orang guru telah

dipilih menjadi peserta kajian. Peserta kajian adalah pakar kepada perkara yang sedang dikaji oleh penyelidik kerana mereka terlibat secara langsung dalam proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam ini.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Terdapat empat objektif yang tercapai daripada kajian yang dijalankan. Kesemua objektif ini dibincangkan secara mendalam dengan membuat perbandingan daripada kajian dan teori yang sebelumnya.

Objektif 1

Memahami bagaimana guru merancang pelaksanaan pengajaran Pendidikan Islam menggunakan kurikulum kebangsaan yang disesuaikan dengan tahap kebolehan dan kemampuan murid bermasalah pendengaran.

Dapatan kajian menunjukkan semua peserta kajian menggunakan sukatan pelajaran Pendidikan Islam kebangsaan dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. Dapatan ini selari dengan Laporan Kajian Pengajaran Pendidikan Agama Islam di Sekolah-sekolah Rendah di Semenanjung Malaysia (1989) yang mendapati guru Pendidikan Islam selalu membuat persediaan dengan menyemak terlebih dahulu buku panduan mengajar agama Islam dan kandungan sukatan.

Walau bagaimanapun, untuk menyesuaikan sukatan pelajaran dengan tahap kemampuan murid, peserta kajian menggunakan pendapat sendiri bagaimana mengubah suai sukatan pelajaran tersebut. Tidak ada keseragaman dalam membuat pengubah suaian sukatan pelajaran, dan tidak ada panduan bagaimana pengubah suaian patut dilaksanakan.

Terdapat juga peserta kajian yang memfokuskan pengajaran Pendidikan Islam kepada bidang-bidang tertentu sahaja, yang difikirkan sesuai dan mampu dipelajari dan diamalkan oleh murid-murid. Oleh yang demikian, sepanjang pemerhatian dijalankan peserta hanya mengajar bidang ibadah, jawi, akhlak, dan tilawah. Sementara dalam pengajaran tilawah al-Quran pula hanya menumpukan kepada memperkenalkan huruf *hijaiyyah*. Terdapat juga peserta kajian yang menggunakan sebahagian sahaja daripada sukatan pelajaran Pendidikan Islam. Dalam keadaan tertentu beliau tidak mengikut sukatan pelajaran kebangsaan. Dalam hal ini, peserta kajian akan menumpukan kepada akhlak dan adab, akidah, ibadah, serta jawi. Ada peserta yang memfokuskan pengajaran mereka dalam bidang tertentu yang difikirkan dapat diamalkan oleh murid-murid dan ada peserta yang menggunakan sebahagian sahaja daripada sukatan pelajaran, manakala dalam keadaan tertentu beliau tidak menggunakan sukatan pelajaran.

Dari segi persediaan mengajar guru, dapatan kajian mendapati bahawa peserta kajian membuat rancangan pengajaran dan pembelajaran mereka dengan menulis dalam Buku Perancangan Pengajaran dan Pembelajaran Harian BPPPH. Peserta kajian juga sentiasa membuat persediaan mengajar dengan menulis dalam BPPPH dan menyediakan bahan-bahan bantu mengajar, walaupun penyelidik tidak memberi tahu kedatangan kepada peserta kajian. Namun terdapat juga keadaan peserta tidak bersedia dan merancang pengajaran dan pembelajaran kerana sedang menyiapkan tugas pentadbiran.

Secara keseluruhannya, tinjauan daripada aspek perancangan pengajaran mendapati bahawa para peserta merancang menggunakan sukatan pelajaran kebangsaan. Namun persoalannya

adalah, bagaimana mentafsirkan pengubah suaian mengikut kemampuan murid-murid. Ada yang menggunakan sukatan pelajaran kebangsaan tetapi menggunakan aras yang paling rendah, ada yang menfokus kepada bidang yang dapat membantu murid dalam amalan seharian dan ada juga peserta tidak mengikut sukatan pelajaran kebangsaan tetapi cukup dengan apa yang diperlukan oleh mereka. Dari segi persediaan, peserta kajian sentiasa merancang dan bersedia dengan bahan-bahan bantu mereka, kesimpulan ini dibuat berdasarkan pengalaman semasa penyelidikan dijalankan peserta kajian telah bersedia dengan menulis dalam BPPPH dan persediaan bahan bantu mengajar (BBM) walaupun penyelidik tidak memberi tahu kedatangan kepada peserta kajian. Terdapat juga keadaan peserta tidak bersedia dan merancang pengajaran dan pembelajaran kerana sedang menyiapkan tugas pentadbiran.

Penyelidik berpendapat bahawa keadaan ini menyebabkan tidak ada peningkatan dalam pencapaian murid, kerana tiada perancangan dari peringkat awal dan tidak ada dokumen yang mencatatkan perkembangan dan kemajuan murid. Oleh itu, didapati sukatan yang diajar masih lagi di tahap asas, iaitu tahap satu walaupun murid telah berada di tahun-tahun enam mahupun lapan.

Objektif 2

Meneroka amalan pengajaran guru Pendidikan Islam kepada murid pendidikan khas bermasalah pendengaran semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung, serta menghurairkan pendekatan dan kaedah yang sesuai digunakan oleh guru-guru mengikut bidang dan tahap kemampuan murid bermasalah pendengaran.

Induksi Set

Set Induksi adalah kaedah atau cara seseorang guru memulakan pengajaran (Shahabuddin *et al.* 2007), tindakan-tindakan dan pernyataan guru yang bertujuan menghubungkan pengalaman murid dengan objektif-objektif dalam sesuatu pelajaran (Sharifah Alwiyah 1986). Set induksi yang baik akan dapat menarik perhatian murid kepada pelajaran, bersedia menerima pelajaran baru dan menggalakkan pembelajaran murid. Bagi set induksi, terdapat beberapa amalan yang dikesan daripada aktiviti peserta kajian. Peserta kajian didapati menggunakan berbagai kaedah set induksi untuk menarik perhatian murid. Kesemua peserta menggunakan kaedah bersoal jawab, membincangkan tajuk, mengaitkan pelajaran lampau dan memastikan murid bersedia terlebih dahulu sebagai set induksi. Hanya peserta P03 dan P04 menggunakan BBM sebagai alat set induksi. Peserta P04 memulakan pengajaran dengan set induksi menerangkan tajuk, tetapi bagi peserta lain mereka memulakan dengan menerangkan objektif pelajaran.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa semua peserta kajian telah mengambil kira dan mengamalkan penggunaan set induksi untuk memulakan pengajaran kecuali dalam keadaan murid lambat masuk, atau guru terlewat kerana ada urusan lain.

Bahan Bantu Mengajar (BBM)

Dalam kajian ini penyelidik mendapati BBM disimpan di tempat pengajaran dan pembelajaran berlangsung sama ada di dalam bilik Pendidikan Islam, bilik ICT, bilik darjah dan surau, kecuali bagi peserta P02 yang menyimpan dalam bilik stor yang khusus. Keadaan ini memudahkan guru menggunakannya dan menjimatkan masa ketika pengajaran dan pembelajaran kerana guru tidak perlu pergi ke bilik stor apabila hendak menggunakannya.

Daripada kajian ini penyelidik dapat membuat rumusan bahawa peserta kajian telah menggunakan BBM dalam proses melaksanakan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam, namun begitu. Bahan bantu mengajar yang ada masih lagi kurang. Keadaan ini diakui juga oleh peserta kajian yang berpendapat bahawa untuk meningkatkan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran perlu ditambah BBM. Penggunaan sumber visual seperti yang disarankan oleh *The National Deaf Children Society* (2004) juga kurang digunakan oleh peserta kajian.

Kaedah Pengajaran

Daripada aspek kaedah pengajaran, dapatan kajian menunjukkan peserta kajian menggunakan berbagai strategi dan kaedah pengajaran dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran. Namun dalam semua bidang pelajaran kaedah penerangan dan syarahan masih menjadi pilihan peserta kajian. Dapatan ini selari dengan dapatan kajian sebelum ini seperti Laporan Penyelidikan Keberkesanan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam ke atas Pembangunan Diri Pelajar (2004) dan kajian Hatifah (2000) yang mendapati kaedah yang sering digunakan oleh guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran kaedah kuliah atau syarahan. Hanya penerangan atau syarahan tersebut dalam konteks kajian ini disampaikan dengan menggunakan lisan dan bahasa isyarat atau dengan menulis di papan tulis.

Dalam bidang Tilawah al-Quran, dapatan menunjukkan ada dalam kalangan murid bermasalah pendengaran boleh mengeluarkan suara dan membaca al-Quran. Murid-murid ini sesuai dengan penggunaan kaedah *Iqra'* dan secara *talaqqi musyafahah*. Namun tidak semua peserta kajian menggunakan kaedah yang sesuai dengan kebolehan murid. Hanya peserta P02 yang menggunakan kaedah membaca buku *Iqra'* dalam pengajaran Tilawah al-Quran. Peserta P01, P03 dan P04 tidak menggunakan kemampuan murid bertutur untuk mengajar mereka membaca. Peserta P02 walau bagaimanapun hanya mengajar *Iqra'* ini hanya untuk murid tahun satu dan tahun dua sahaja, selepas itu mereka tidak lagi diajar membaca al-Quran. Penyelidik merasakan suatu kerugian kepada murid yang mempunyai kemampuan untuk membaca tetapi dibiarkan begitu sahaja semata-mata kerana mengikut sukatan yang lebih tinggi.

Selain daripada kaedah yang disebutkan di atas, kaedah lain yang digunakan oleh peserta kajian semasa pengajaran Tilawah al-Quran adalah menulis di papan tulis dan penerangan dengan menggunakan lisan sahaja, bahasa isyarat sahaja atau menggunakan kedua-duanya sekali. Pengajaran yang berpusatkan murid, kaedah yang digunakan adalah menyalin nota, memberikan makna ayat, menyambung dan menceraikan huruf daripada kalimah, menulis dalam rumi, mengeja perkataan, menyusun ayat dan permainan.

Variasi Pergerakan Guru

Variasi pergerakan guru ialah pergerakan guru yang berubah dari satu tempat ke satu tempat lain dalam bilik darjah untuk menambahkan kesan pengajaran (Sharifah Alawiyah 1986). Variasi kedudukan dan pergerakan guru sangat penting dalam berkomunikasi dan menyampaikan pelajaran kepada kanak-kanak bermasalah pendengaran kerana murid-murid bermasalah pendengaran lebih banyak menggunakan deria penglihatan untuk mengumpulkan maklumat dari penyampai.

Antara variasi pergerakan guru yang dapat diperhatikan dalam penyelidikan ini adalah berdiri di hadapan dan kemudian bergerak ke belakang kelas, guru bergerak ke kiri dan ke kanan dan duduk di hadapan murid. Dalam hal ini, apabila guru sentiasa bergerak dari hadapan ke belakang atau

dari kiri dan kanan, pergerakan ini menyebabkan kesukaran kepada murid. Murid bermasalah pendengaran tidak dapat mendengar, oleh itu mereka bergantung kepada penglihatan mereka untuk melibat perbuatan dan bahasa isyarat atau bahasa tubuh badan penyampai maklumat. Guru yang banyak bergerak akan menyukarkan mereka mengikut proses pengajaran dan pembelajaran.

Hanya seorang peserta kajian yang sentiasa duduk di hadapan murid, iaitu peserta P02. Peserta ini akan memulakan pengajaran dengan duduk dan kemudian memulakan pengajaran beliau. Beliau akan bangun bila perlu sahaja iaitu sama untuk menulis di papan tulis atau memeriksa kerja-kerja murid. Kedudukan beliau membolehkan murid dapat melihat dengan jelas mimik muka guru, isyarat tangan yang digunakan. Keadaan ini menjadikan komunikasi di antara guru dengan murid berjalan dengan berkesan.

Penilaian

Dapatan kajian ini dibahagikan beberapa aspek iaitu penggunaan BBM dalam penilaian, kaedah penilaian dan penilaian yang bertujuan untuk pengukuhan pengajaran.

Dari segi penggunaan BBM, dapatan menunjukkan peserta kajian membuat penilaian menggunakan BBM yang terdiri daripada buku tulis atau buku latihan, lembaran kerja dan juga papan tulis. Dari segi kaedah penilaian, amalan peserta kajian adalah dalam bentuk menyemak kerja murid, guru menulis latihan di papan tulis dan murid menyalin dan menjawab soalan sama ada secara lisan atau bahasa isyarat, murid membuat latihan dalam buku tulis atau buku latihan dan juga menggunakan guru akan mengedarkan lembaran kerja dan murid membuat latihan dalam lembaran kerja tersebut. Peserta kajian juga membuat penilaian dalam bentuk pengukuhan pengajaran dan pembelajaran, iaitu dengan membuat latihan di papan tulis, menggunakan lembaran kerja, membuat latihan, mengulang perbuatan, dan juga mengulangan pertanyaan.

Secara keseluruhannya, peserta kajian didapati sentiasa membuat penilaian dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran mereka. Ini hal ini disebabkan guru Pendidikan Islam yang mengajar murid pendidikan khas perlu sentiasa menilai sejauhmana kefahaman dan pengetahuan murid terhadap apa yang telah dipelajari, jika murid masih tidak memahami pelajaran yang diajar, guru akan kembali mengulangi pelajaran tersebut. Oleh itu penyelidik mendapati peserta kajian kerap mengulang-ulang tajuk yang dipelajari oleh murid dan juga semasa pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Dapatan ini ternyata tidak selari dengan dapatan Misnan *et. al.* (2007) yang mendapati penilaian dalam pengajaran al-Quran di sekolah menengah di negeri Perak adalah ditahap sederhana. Ini Hal ini berlaku kerana kajian dilakukan kepada guru Pendidikan Islam yang mengajar murid normal dan mengkaji dari sudut penilaian yang dijalankan oleh guru Pendidikan Islam di akhir pengajaran dan rumusan sahaja.

Penutup

Penutup adalah amalan yang dilakukan oleh seseorang guru sebelum sesebuah pengajaran berakhir. Menurut Abd. Ghaffar (2003) pelajaran perlu diakhiri secara teratur dan memuaskan. Guru perlu mengadakan kegiatan ringkas yang sesuai untuk mengakhiri pelajaran. Dapatan analisis dari aspek amalan peserta kajian ketika menutup pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam memperlihatkan beberapa amalan, iaitu; membuat rumusan, memberi motivasi, memeriksa dan membetulkan latihan murid, menutup secara mendadak dan juga memberi nasihat.

Dari tinjauan yang dijalankan didapati kesemua peserta kajian membuat rumusan ketika menutup sesi pengajaran dan pembelajaran. Peserta membuat rumusan dengan menerangkan semula isi kandung pelajaran yang dipelajari dan memberi komen tentang jawapan atau amali yang dilaksanakan. Terdapat juga keadaan peserta kajian menghentikan pengajaran dan pembelajaran secara mendadak, iaitu ketika masa telah habis dan sedangkan guru masih belum menyelesaikan isi pelajaran. Ada juga peserta kajian yang membuat penilaian dan menamatkan pengajaran dengan membuat pemeriksaan dan membetulkan latihan murid. Selain itu dua peserta kajian mengatakan mereka akan memberi motivasi dan nasihat kepada murid, namun pemerhatian yang dijalankan tidak ada aktiviti memberi motivasi dan nasihat semasa peserta-peserta menutup sesi pengajaran dan pembelajaran.

Objektif 3

Mengenal pasti keadaan dan kesesuaian bilik darjah yang digunakan sebagai tempat pengajaran semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung.

Secara keseluruhannya terdapat empat lokasi yang dijadikan tempat pengajaran dan pembelajaran oleh peserta kajian, iaitu; bilik darjah, bilik ICT, surau dan Bilik Pendidikan Islam. Peserta P01 hanya menggunakan bilik Pendidikan Islam sahaja; peserta P02 menggunakan bilik darjah; peserta P03 menggunakan bilik ICT dan peserta P04 menggunakan bilik Pendidikan Islam. Sepanjang penyelidikan dijalankan hanya peserta P02 dan P04 menggunakan surau untuk pengajaran dan pembelajaran. Peserta lain tidak menggunakan surau kerana pengajaran dan pembelajaran dijalankan tidak memerlukan amali solat atau mencukupi jika dilakukan di dalam bilik Pendidikan Islam atau bilik ICT sahaja.

Dari segi susunan perabot dan susunan murid, peserta P01 menggunakan bilik Pendidikan Islam. Di dalam bilik ini terdapat satu meja guru dan 13 buah meja dan 19 buah kerusi yang disusun secara empat segi. Dari segi susunan murid pula, murid di hadapan dan di belakang akan menghadap ke papan tulis, sementara yang berada di kiri dan kanan menghadap satu sama lain. Semasa pengajaran guru akan berada di hadapan kelas dan bergerak ke belakang. Implikasi daripada susunan perabot dan murid serta pergerakan guru menyebabkan murid sukar untuk mengikuti penerangan dan pengajaran guru. Murid bermasalah pendengaran bergantung kepada penglihatan mereka, oleh itu apabila guru banyak bergerak sudah pasti murid sukar untuk memahami pengajaran guru.

Bagi pengajaran di bilik darjah hanya peserta P02 sahaja yang menggunakan bilik darjah untuk pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. Beliau biasanya akan berada di hadapan manakala murid di susun dalam satu barisan kecuali meja tidak mencukupi. Ketika itu murid diletakkan di sebelah kiri atau kanan guru. Peserta P02 sentiasa duduk di kerusi kecuali apabila perlu seperti bangun untuk menulis di papan tulis atau aktiviti yang lain. Kedudukan beliau di hadapan murid dengan aras yang sama dengan murid memudahkan murid memerhatikan isyarat tangan guru, mimik muka, pergerakan bibir mulut dan bahasa badan guru. Kedudukan ini sesuai dengan pengajaran kepada murid bermasalah pendengaran.

Peserta P03 melaksanakan semua pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik ICT. Kerusi disusun dalam tiga baris dan murid pula duduk dalam dua baris, iaitu dua orang di baris pertama dan seorang di baris kedua. Dalam keadaan bilik yang kecil, kedudukan dan jarak antara guru dengan murid adalah sesuai, namun guru sentiasa berdiri menjadikan murid terpaksa mendongak ke atas.

P04 juga menggunakan bilik Pendidikan Islam yang mempunyai sebuah meja guru yang guru di letakkan di sebelah kanan bilik dan terdapat sepuluh buah meja dan 13 kerusi yang disusun dalam dua barisan, iaitu lima meja untuk satu barisan. Semasa pengajaran dan pembelajaran berjalan murid disusun dalam satu atau dua barisan. Guru sentiasa bergerak ke kiri dan kanan untuk mendapatkan perhatian murid. Kedudukan guru yang sentiasa berdiri dan banyak bergerak ke kiri dan kanan menyebabkan murid sukar mengikuti pengajaran.

Penggunaan alat bantu dengar adalah penting dalam komunikasi dan proses pengajaran dan pembelajaran kepada murid-murid bermasalah pendengaran. Alat bantu pendengaran akan berfungsi dengan lebih baik jika sedikit sahaja gangguan bunyi bising atau tiada langsung bunyi bising, dan orang yang bercakap itu berada dekat dengan mikrofon alat bantu dengar (tidak lebih dari satu meter). Dapatan kajian ini mendapati bahawa dalam banyak keadaan guru berada agak jauh daripada murid kecuali peserta P02, iaitu guru berdiri di hadapan kelas atau bergerak ke kiri dan ke kanan atau bergerak dari hadapan ke belakang. Menurut Maltby & Knight (2000) alat bantu dengar berfungsi untuk menguatkan lagi bunyi suara guru dan bunyi lain. Jika alat bantu dengar dikuatkan untuk mendengar suara guru murid dapat mendengar suara guru, namun bila guru bergerak jauh daripada murid latar bunyi yang lain akan didengari dan bunyi suara guru semakin kurang. Semakin jauh guru bergerak dari murid semakin kurang nada suara guru didengari dan semakin kuat pula bunyi-bunyi bising yang lain. Ternyata persekitaran yang ada tidak sesuai dengan keperluan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam kepada murid bermasalah pendengaran.

Dari segi akustik pula, bilik darjah yang ada di sekolah pendidikan khas tidak menepati saranan para sarjana. Smith *et al.* (2006) sebagai contohnya menyarankan agar perhatian diberikan kepada penyediaan suasana akustik di dalam bilik darjah. Modifikasi perlu dilakukan dengan melengkapkan bilik darjah dengan pengubahsuaian suasana akustik seperti siling akustik, karpet, langsir yang tebal, tapak getah pada kerusi dan meja serta penyelenggaraan sistem udara, lampu, pintu dan tingkap. Nelson dan Soli (2000) pula mendapati bahawa ramai dalam kalangan kanak-kanak yang menghadapi berbagai masalah pendengaran ketika belajar di dalam bilik darjah yang sentiasa bising, bergema dan penuh aktiviti. Bagi kanak-kanak ini masalah pendengaran yang dihadapi oleh mereka ditambah lagi dengan keadaan akustik bilik darjah, menyebabkan meningkatnya masalah semasa pembelajaran berjalan.

Objektif 4

Mengenal pasti medium dan kaedah komunikasi yang digunakan oleh guru Pendidikan Islam semasa dalam proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung.

Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati antara bentuk komunikasi yang digunakan oleh peserta kajian adalah bahasa isyarat, lisan, ejaan jari, gerak badan, melukis gambar dan menulis di papan tulis. Manakala antara bentuk komunikasi yang digunakan oleh murid adalah bahasa isyarat, lisan, ejaan jari, gerak badan dan menulis di papan tulis. Dapatan ini selaras dengan dasar KPM yang menerima pendekatan komunikasi seluruh dalam sistem pendidikan kepada murid bermasalah pendengaran sebagaimana yang dijelaskan dalam bab kedua yang lepas. Walaupun demikian, dapatan temu bual menunjukkan bahawa walaupun peserta menggunakan pendekatan komunikasi seluruh, tetapi mereka tidak mengetahui apakah yang dimaksudkan dengan konsep pendekatan komunikasi seluruh kepada murid bermasalah pendengaran.

Dalam kajian ini juga data menunjukkan bahawa peserta kajian menyedari bahawa kanak-kanak bermasalah pendengaran mempunyai sisa-sisa pendengaran dan mampu mendengar. Namun

kesedaran tersebut hanya pada tahap secara umum berdasarkan pengalaman mengajar di sekolah tersebut, bukan berdasarkan pengetahuan dari pembelajaran secara formal. Kerana itu dapatan menunjukkan kesemua peserta kajian menggunakan lisan semasa berkomunikasi dengan murid, namun kaedah berkomunikasi secara lisan yang digunakan tanpa ada panduan atau kaedah tertentu. Kerana itu dapatan menunjukkan ada peserta kajian bercakap dengan murid ketika berada di hadapan kelas dengan jarak yang tidak sesuai, ketika berdiri atau ketika bergerak ke kiri dan ke kanan bilik darjah atau dari hadapan ke belakang bilik darjah.

Bagi murid-murid bermasalah pendengaran medium komunikasi yang digunakan adalah bahasa isyarat, lisan, ejaan jari, gerak badan dan menulis di papan tulis. Secara keseluruhannya murid-murid menggunakan bahasa isyarat untuk berkomunikasi dengan guru. Dalam kebanyakan keadaan murid tidak menggunakan Bahasa Malaysia Kod Tangan (BMKT) terutama dalam penggunaan imbuhan kecuali ketika membaca tulisan di papan tulis atau buku.

Murid juga menggunakan lisan apabila disuruh oleh guru untuk membaca doa, surah *al-Fatihah*, buku *Iqra'* atau al-Quran. Dapatan kajian kepada keempat-empat peserta kajian mendapati sekurang-kurangnya seorang murid dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam didapati boleh mengeluarkan suara dan membaca sama ada doa, buku *Iqra'* atau surah *al-Fatihah* ketika diminta oleh guru.

Ejaan jari digunakan apabila murid tidak mengetahui kod bagi nama atau sesuatu perkara atau tidak mempunyai kod seperti kota Madinah, Mekah. Terdapat juga keadaan guru dan murid tidak mengetahui kod bagi perkataan tersebut, dalam keadaan ini murid akan mengeja dengan ejaan jari. Terdapat juga murid hanya menggunakan gerak badan untuk memberi jawapan ya atau tidak, iaitu dengan mengangguk atau menggelengkan kepala mereka.

CADANGAN

Masalah utama kanak-kanak bermasalah pendengaran adalah mendengar, oleh kaedah yang paling baik bagi pengajaran dan pembelajaran kepada murid bermasalah pendengaran adalah membanyakkan pendekatan pengajaran yang menggunakan penglihatan (visual) dan kinestetik. Menurut Tileston (2005), kajian-kajian mengenai otak mendapati bahawa hanya 20% pelajar yang belajar melalui pendengaran, manakala 80% lagi belajar melalui penglihatan atau kinestetik. Sousa (2006) telah mengemukakan kajian berkaitan dengan kebolehan mengingat 24 jam selepas pembelajaran berlaku mengikut kaedah pengajaran; 5% selepas syarahan, 10% selepas membaca, 20% selepas audiovisual, 30% selepas demonstrasi, 50% selepas perbincangan kumpulan, 75% selepas praktikal dan 90% mengajar yang lain atau terus mengamalkan pembelajaran tersebut.

Bagi pengajaran dan pembelajaran kepada murid bermasalah pendengaran, kepentingan akustik bilik darjah tidak boleh diabaikan. Smith *et al.* (2006) menyarankan agar perhatian diberikan kepada penyediaan suasana akustik di dalam bilik darjah. Modifikasi perlu dilakukan dengan melengkapkan bilik darjah dengan pengubahsuaian suasana akustik seperti siling akustik, karpet, langsir yang tebal, tapak getah pada kerusi dan meja serta penyelenggaraan sistem udara, lampu, pintu dan tingkap. Kajian oleh Nelson & Soli (2000) mendapati bahawa ramai di kalangan kanak-kanak yang menghadapi berbagai masalah pendengaran ketika belajar di dalam bilik darjah yang sentiasa bising, bergema dan penuh aktiviti. Bagi kanak-kanak ini masalah pendengaran yang dihadapi oleh mereka ditambah lagi dengan keadaan akustik bilik darjah, menyebabkan meningkatnya masalah semasa pembelajaran berjalan.

Dapatan daripada pemerhatian mendapati bahawa semua bilik darjah yang ada tidak memenuhi keperluan akustik. Semua bilik darjah adalah tidak kedap bunyi dan kedudukan guru juga jauh daripada murid kecuali P02. Namun begitu, dapatan menunjukkan bahawa ada peserta yang telah berjaya menjadikan murid-murid tahun satu dan dua boleh membaca *Iqra'* dengan baik walaupun persekitaran tidak sesuai dengan keperluan akustik. Keadaan Ini menunjukkan dengan pendekatan dan kaedah yang bersesuaian dengan keperluan murid dapat membantu keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Dalam konteks ini, pendekatan guru duduk berdepan dengan murid, pengajaran secara individu dan alat bantu dengar yang berfungsi dengan baik adalah faktor kepada keberkesanan pengajaran dan pembelajaran tersebut.

Proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam kepada murid bermasalah pendengaran tentu sekali tidak sama dengan murid normal, guru perlu mempunyai komitmen yang tinggi, mempunyai pengetahuan dalam mata pelajaran yang diajar serta mempunyai pengetahuan dalam masalah pendengaran. Dalam hal ini, sebagaimana pandangan al-Ghazali (1967), Cooper (2006) juga mencadangkan empat bidang kompetensi bagi guru yang berkesan iaitu menguasai pengetahuan teoritikal mengenai pembelajaran dan tingkah laku manusia; mempamerkan sikap yang merangsang pembelajaran dan hubungan kemanusiaan yang ikhlas; menguasai pengetahuan dalam bidang pelajaran yang diajar; serta menguasai kemahiran mengajar yang memudahkan pembelajaran murid. Oleh itu, sesuai dengan pandangan tersebut, untuk memastikan keberkesanan dalam pengajaran dan pembelajaran kepada murid bermasalah pendengaran, guru Pendidikan Islam perlu mempunyai kompetensi dalam beberapa aspek, iaitu (i) menguasai pengetahuan teoritikal berkaitan psikologi dan audiologi kanak-kanak bermasalah pendengaran, (ii) mempunyai sikap yang merangsang pembelajaran dan hubungan yang ikhlas, (iii) menguasai pengetahuan dalam mata pelajaran Pendidikan Islam dan (iv) menguasai kemahiran pedagogi.

PENUTUP

Penyelidikan ini merupakan suatu penerokaan kepada kajian dalam bidang Pendidikan Islam pendidikan khas bermasalah pendengaran dan mencungkil amalan sebenar yang berlaku semasa pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di sekolah Pendidikan Khas bermasalah pendengaran. Penyelidikan ini dijalankan menggunakan rekabentuk kajian kualitatif dan berdasarkan dapatan kajian, penyelidik membuat rumusan dan kesimpulan mengenai amalan peserta kajian yang terdiri daripada guru-guru Pendidikan Islam. Dapatan kajian menemukan beberapa kekuatan dalam amalan guru yang boleh diambil perhatian dan dapatan yang menunjukkan kelemahan yang perlu diperbaiki dalam usaha meningkatkan profesion keguruan. Dapatan kajian ini juga jelas menunjukkan bahawa perancangan yang tepat, manhaj dan kaedah yang sesuai dengan tahap kemampuan akal dan pendengaran murid, persekitaran, komunikasi yang sesuai serta dibantu dengan sikap dan kompetensi guru dapat memberikan kesan yang positif kepada pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam.

RUJUKAN

- Abdullah al-Qari bin Hj Salleh. 1993. *Dasar-dasar Pendidikan Menurut Islam*. Kota Bharu: Pustaka aman Press.
- Abdullah Nasih dan Ulwan. 1981. *Tarbiat al-Aulad Fi al-Islam*. Bayrut: Dar al-Salām.
- Abd. Ghafar Md Din. 2003. *Prinsip dan Amalan Pengajaran*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Al-Ghazali, Muhammad bin Muhammad. 1967. *Ihya' Ulum al-Din*. Qahirah: Muassasat al-Halabi li al-Nasyr wa al-Tauzi.

Al-Quran al-Karim

- Bogdan R.C. & Biklen S. K. 2003. *Qualitative Research For Education. An Introduction to Teories and Methods*. 4th ed. Unted State of America: Group Inc.
- Chua Yan Piaw. 2006. *Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill.
- Cooper, J.M. 2006. The Teacher As a Reflective Decision Maker. Dlm Cooper, J.M. (pynt.) Classroom Teaching Skills. Hlm 1-19. Boston: Houghton Mifflin Company.
- Hatifah Yusoff. 2000. Pendidikan Syariah Islamiah: satu kajian tentang p[ermasalahan dalam pengajaran di sekolah agama dan harian (KPM) dan Sekolah Menengah Kerajaan Negeri di Selangor. Kertas Projek Sarjana Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2002. *Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam KBSR Tahun 1*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Laporan Kajian Pengajaran Pendidikan Agama Islam di Sekolah-sekolah Rendah di Semenanjung Malaysia*. 1989. Kajian Bersama Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia dan Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Laporan Penyelidikan Keberkesanan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam Ke atas Pembangunan Diri Pelajar*. 2004. Kajian Bersama Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia dan Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Maklumat Pendidikan Khas 2007*. Bahagian Pendidikan Khas, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Maltby, M.T. & Knight, P. 2000. *Audiology. Introduction for Teachers and Other Professionals*. London: David Fulton Publishers.
- Merriam, S.B. (1988). *Case Study research in Education: A Qualitative Approach*. Carlifornia: Josey-Bass Inc.
- Merriam, S. B. 1998. *Qualitative Research and case Study Applications in Education*. San Francisco: Jossey-Bass Publishers.
- Misnan Jemali, Ab Halim Tamuri & Abdul Ghaffar Don. 2007. Amalan Pengajaran Al-Quran di Sekolah Menengah. Kertas Kerja dibentangkan di Seminar Pasca Siswazah Peringkat Kebangsaan. Fakulti Pengajian Islam. UKM.
- Nelson, P. B. & Soli, Sig. 2000. Clinical Forum: Acoustic Barriers to Learning: Children at risk in Every Classroom. *American Speech-Language-Hearing Association*, (31): 356-361.
- Sharifah Alwiah Alsagoff. 1986. *Ilmu Pendidikan: Pedagogi*. Kuala Lumpur: Heinemann (Malaysia) Sdn Bhd.
- Shahabuddin Hashim, Rohizani Yaakub & Mohd Zohir Ahmad. 2007. *Pedagogi. Strategi dan Teknik Mengajar Dengan Berkesan*. Kuala Lumpur: PTS Professional.
- Smith, T.E.C., Polloway, E.A., Patton, J.R. & Dowdy, C.A. 2006. *Teaching Student With Special Needs In Inclusive Setting*. Forth Edition. Boston: Pearson Education Inc.
- Sousa, D.A. 2006. *How The Brain Learns*. 3rd Edition. Thousand Oaks: Corwin Press.
- Spradley, J.P. 1980. *Participant Observation*. New York: Holt, Rinehart & Winston. The National Deaf Children's Society. 2004. Deaf Friendly Teaching. London: The National Deaf Children's Society.
- Tileston, D.W. 2005. *10 Best Teaching Practices*. California: Corwin Press.

